



Wajah baharu portal *MyGovernment 2.0*

Rekabentuk Baharu Portal *MyGovernment 2.0*


Rekabentuk portal *MyGovernment 2.0* telah ditambahbaik dari segi rekabentuk dan ikon yang baharu pada laman utama, laman kedua dan laman kandungan portal.



01 Laman utama portal *MyGovernment 2.0*



02 Halaman kedua portal.



03 Laman kandungan portal.

7 Kumpulan Peristiwa Kehidupan (*Life Event*)

Penambahan satu Kumpulan Peristiwa Kehidupan (*Life Event*) iaitu "Mengurus Pengenalan Diri" telah ditambah pada Portal. Ini setelah mengambilkira cadangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) semasa Bengkel Pengesahan Kandungan *Life Event* pada 9 hingga 10 Oktober 2018.

Topik - topik yang di bawah "Mengurus Pengenalan Diri" adalah seperti berikut :



MENGURUS PENGENALAN DIRI

Mendaftar Kelahiran/Kematian
Mengurus Rekod Kewarganegaraan
Mengurus Pendaftaran Kad Pengenalan



MENGURUS INSTITUSI KELUARGA

Membuat Persediaan Perkahwinan
Menjalankan / Mengurus Perkahwinan
Mengurus Harta/Kewangan




MENDAPAT PENDIDIKAN FORMAL

Mendapatkan Pendidikan Prasekolah
Mendapatkan Pendidikan Sekolah Rendah
Mendapatkan Pendidikan Sekolah Menengah



MENDAPAT KEMUDAHAN, KEBAJIKAN & KESIHATAN

Mendapatkan Khidmat Kesihatan
Mendapatkan Kebajikan
Mendapatkan Kemudahan Sosial



MEMBINA KERJAYA & PERSARAAN

Pra Kerjaya
Mengurus dan Mengembangkan Kerjaya
Persaraan



MENDAPAT MAKLUMAT PELANCONGAN

Melancong Ke Luar Negara
Melancong di Dalam Negara



MENGURUS PERNIAGAAN

Merancang Perniagaan
Memulakan Perniagaan
Mengendalikan Perniagaan

Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Disember 2018

12 - 14 Disember 2018

Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan GOS Gateway 2019

Bengkel ini bertujuan untuk menetapkan Pelan Tindakan bagi projek *Government Online Services Gateway (GOSG)* untuk Tahun 2019. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini melibatkan aktiviti seperti perbincangan dan pembentangan pelan tindakan pasukan projek mengikut kumpulan yang melibatkan pihak MAMPU dan MIMOS.



17 Disember 2018

Mesyuarat Kerja Pembangunan Carian Institusi Pendidikan di Malaysia

Mesyuarat Kerja Pembangunan Carian Institusi Pendidikan di Malaysia telah berlangsung pada 17 Disember 2018 yang lalu dan telah diadakan di Hotel Bangi-Putrajaya. Mesyuarat ini menerangkan secara terperinci kepada agensi tentang perkhidmatan "Carian Institusi Pendidikan di Malaysia" melalui Portal *MyGovernment*. Mesyuarat juga membincangkan tentang maklumat yang akan dipaparkan di Portal *MyGovernment*, maklumat teknikal berkaitan integrasi antara Portal *MyGovernment*, *MyGDX* dan agensi serta ketersediaan agensi dalam membekalkan maklumat yang dikehendaki.

Agensi yang hadir pada mesyuarat ini adalah :

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Januari 2019

15 - 17 Januari 2019

Mesyuarat Kerja Pengesahan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital Kumpulan Pendidikan

Mesyuarat bagi mengesahkan keperluan bisnes, mengesahkan antara muka pengguna yang akan dibangunkan dan juga keperluan data daripada agensi bagi perkhidmatan pendidikan di Portal *MyGovernment*.

Agensi yang hadir pada Mesyuarat Kerja Reka Bentuk Perkhidmatan Digital ini adalah :

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Unit Pelaksanaan & Prestasi Pendidikan (PADU)
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)



Aktiviti Yang Dirancang Pada Januari & Februari 2019

Pemantapan Struktur dan Kandungan *Life Event*

- Penambahbaikan Kandungan dan Perkhidmatan
- Peluasan Kandungan

EDISI HADAPAN

e-Newsletter Bil 2/2019 akan memaparkan penambahbaikan Portal *MyGovernment* yang baharu.

Ikuti Portal *MyGovernment* di saluran berikut:

- www.malaysia.gov.my
- MyGovernment_Official
- https://twitter.com/GOS_Gateway



Imbas Sekarang!